

### 1. Didakwa guna dokumen palsu kerajaan

IPOH: Seorang ahli perniagaan yang sebelum ini berdepan 105 pertuduhan menipu lebih RM6.3 juta, hari ini didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, kerana menggunakan 10 dokumen palsu kerajaan.

N Narendran, 37, didakwa menggunakan sembilan Pesanan Kerajaan Negeri Perak dan satu dokumen surat tawaran Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) yang diketahuinya adalah palsu.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di pejabat Ganang Resources di No C-2-09, Persiaran Greentown 3, Greentown Business Centre di sini antara 29 April 2015 dan 31 Oktober tahun sama.

Dia dituduh mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 467 kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap semua tuduhan itu.

Hakim Norashima Khalid menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap semua tuduhan dan kes disebut semula esok bagi proses penyerahan dokumen serta penetapan tarikh perbicaraan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nazratul Natrah Mohd Yusuf manakala tertuduh diwakili peguam Bernard Francis.

Pada 21 November tahun lalu, tertuduh didakwa dengan 105 pertuduhan menipu seorang ahli perniagaan membabitkan wang berjumlah lebih RM6.3 juta dan dibenarkan jaminan sebanyak RM90,000 dengan seorang penjamin.





**PENGARAH Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd Ghani.**

## **2. Invois palsu RM23.65 juta**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengurus kanan syarikat cari gali minyak kerana dipercayai mengemukakan invois palsu berjumlah AS\$5.56 juta (RM23.65 juta) bagi satu projek pada tahun 2015.

Pengurus kanan terbabit yang dilantik mengetuai projek berkenaan, ditahan di pejabatnya di ibu negara.

Turut ditahan dalam operasi berkenaan ialah seorang pengarah sebuah syarikat kontraktor yang dikatakan dilantik untuk melaksanakan projek itu serta seorang bekas pembantu teknikal syarikat cari gali berkenaan.

Pengarah kanan syarikat kontraktor dan bekas pembantu teknikal itu, ditahan di rumah masing-masing di Batu 9, Cheras dan di Puncak Alam, Selangor.

Ketiga-tiga suspek ditahan antara jam 2.40 dan 3 petang semalam.

Sumber memberitahu, suspek dipercayai mengemukakan tuntutan palsu melalui tiga invois syarikat kontraktor itu antara April hingga Jun 2015 bagi kerja yang sepatutnya dilakukan syarikat berkenaan.

Difahamkan, tuntutan itu sudah dibayar oleh syarikat cari gali berkenaan kepada syarikat kontraktor terbabit, namun tiada kerja dilaksanakan bagi tuntutan itu.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009. Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd Ghani, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan. "Semua suspek mereka akan direman esok (hari ini) bagi membantu siasatan," katanya.



Rabu, 6 September 2017

### **3. PETRONAS sahkan kakitangannya ditahan SPRM**

KUALA LUMPUR: PETRONAS mengesahkan seorang kakitangannya kini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbabit dalam kegiatan rasuah.

Jabatan Perhubungan Media, Komunikasi Strategik Kumpulan PETRONAS dalam satu kenyataan hari ini berkata, individu berkenaan ditahan selepas siasatan dalaman syarikat yang kemudian melaporkan kes itu kepada SPRM.

Katanya, PETRONAS tidak akan sesekali menerima dan bertolak ansur dengan sebarang bentuk salah laku dalam kalangan kakitangannya.

"Kita (PETRONAS) akan terus memberikan kerjasama dan bantuan penuh (maklumat rasuah pekerja) kepada SPRM jika mempunyai keperluan.

"Malah, sejak 2012, PETRONAS bekerja rapat dengan SPRM untuk membendung dan mencegah rasuah dan salah laku bukan hanya dalam kalangan pekerja, malah termasuk kontraktor dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga," katanya.

Awal pagi tadi, BH melaporkan SPRM menahan seorang pengurus kanan syarikat cari gali minyak kerana dipercayai mengemukakan invois palsu berjumlah AS\$5.56 juta (RM23.65 juta) bagi satu projek pada tahun 2015.



Jumaat, 8 September 2017

### **4. 6 anggota polis dicekup SPRM**

GEORGETOWN: Enam anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Timur Laut, ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas masing-masing disyaki terbabit dalam kes rasuah.

Anggota berpangkat Lans Koperal hingga Sarjan dan berusia antara 28 hingga 49 tahun itu, ditahan kira-kira jam 2 petang tadi.

Mereka ditahan selepas masing-masing disyaki meminta rasuah RM4,500 daripada dua suspek untuk menyelesaikan satu kes dadah.

Selain enam anggota terbabit, SPRM turut menahan seorang lagi lelaki berusia 28 tahun yang disyaki memainkan peranan sebagai orang tengah dalam urusan berkaitan rasuah itu.

Sumber SPRM, berkata semua anggota polis terbabit sebelum ini melakukan serbuan di sebuah rumah di Majestic Height di Paya Terubong, di sini, di mana dua lelaki ditahan kerana memiliki empat bungkus plastik yang mengandungi cecair disyaki air ketum.

Mereka bagaimanapun bersetuju menerima suapan RM4,500 untuk menyelesaikan kes itu, dengan rakan kepada suspek kes dadah itu bertindak selaku orang tengah.

Semua enam anggota bersama individu yang berperanan sebagai orang tengah itu kini ditahan untuk siasatan lanjut di pejabat SPRM Pulau Pinang.

Pemangku Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Roslee Chik, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan ke atas enam anggota berkenaan oleh SPRM.

"Kita serahkan kepada SPRM untuk jalankan siasatan dan sementara itu, semua anggota terbabit dilucutkan jawatan sebagai detektif dan ditukarkan ke cawangan lain," katanya.



Isnin, 11 September 2017

##### 5. Guru besar didakwa salah guna kuasa

PETRA JAYA: Seorang guru besar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah Kuching, hari ini, atas tuduhan penyalahgunaan kuasa, tahun lalu.

Ismail Idris, 58, didakwa mengarahkan Mazuri Catering untuk melantik Ismas Catering bagi membekalkan makanan yang dimasak di bawah kontrak Rancangan Makanan Tambahan untuk kontrak Sekolah Kebangsaan (SK) Gita 2, yang bernilai RM86,190.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Ismas Catering ialah syarikat yang dimiliki oleh isteri tertuduh, Saloma Kipli.

Ismail didakwa melakukan kesalahan itu di Sekolah Kebangsaan Tan Sri Dr Sulaiman Daud (sebelum ini dikenali sebagai SK Gita 2) pada 1 Julai 2016.

Dia didakwa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 kerana menyalahgunakan kuasa, yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana yang lebih tinggi jika disabitkan kesalahan.

Peguam Khairil Azmi Hasbi, yang mewakili tertuduh, merayu kepada Mahkamah supaya tidak mengenakan jaminan tunai kepada anak guamnya kerana dia masih berkhidmat sebagai penjawat awam.

Hakim Nixon Kennedy Kumbong menetapkan jaminan RM10,000 dengan dua penjamin dan menetapkan 28 September ini untuk pengurusan kes manakala perbicaraan kes pula ditetapkan selama tiga hari bermula 11 November ini.

#### Rasuah polis

Terdahulu di kamar mahkamah yang sama, seorang ahli perniagaan mengaku tidak bersalah atas tuduhan menawarkan wang tunai RM2,000 kepada seorang pegawai polis di sebuah kafe di Jalan Lapangan Terbang di sini pada jam 6.11 petang pada 7 Oktober tahun lalu.

Wong Hunt Ping, didakwa cuba merasuah Inspektor Mohammad Harun dari Jabatan Siasatan Jenayah Negeri sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadapnya yang didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan.

Nixon menetapkan jaminan RM5,000 dengan dua penjamin dan menetapkan 29 September ini untuk pengurusan kes dan perbicaraan pada 13 November hingga 15 November ini.

Pendakwaan bagi kes pertama dan kedua dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Ikhwan Mohd Ibrahim dan Timbalan Pendakwa Raya Low Chin How, masing-masing daripada SPMR, manakala Hunt Ping diwakili peguam Francis Wee.

## 6. Rasuah: 7 ditahan termasuk pegawai perhutanan

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tujuh orang dalam operasi berkaitan kes pencemaran alam sekitar termasuk pembalakan haram di sekitar Pahang dan Terengganu, hari ini.

Empat individu ditahan di Pahang manakala tiga lagi di Terengganu.

Semua mereka yang berusia antara 32 hingga 62 tahun itu ditahan di beberapa lokasi di kedua-dua negeri itu antara jam 10.30 pagi dan 3.30 petang.

Di Pahang, mereka yang ditahan adalah Pegawai Hutan Daerah Jerantut dan isterinya serta pemilik dan pengurus sebuah syarikat kontraktor.

Difahamkan, pegawai hutan daerah dan kakitangannya itu menerima rasuah daripada syarikat pembalakan sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan atas kegiatan pembalakan haram antara tahun 2015 hingga tahun ini.

Di Terengganu, SPM menahan tiga individu iaitu dua pemilik syarikat pembalakan dan seorang pemandu lori.

Suspek disyaki memberi rasuah untuk mengelakkan tindakan oleh penguat kuasa Jabatan Perhutanan Terengganu kerana beroperasi tanpa lesen dan tidak mematuhi peraturan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Datuk Azam Baki, mengesahkan tangkapan dan berkata pihaknya sedang mengesan beberapa lagi suspek dalam kes itu.

"SPRM memandang serius kes seperti ini sehingga menyebabkan kemusnahan alam sekitar dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang bertanggungjawab.

"Semua mereka yang ditahan akan direman esok untuk membantu siasatan yang sedang dijalankan oleh SPM berhubung isu alam sekitar," katanya.



TIGA pengurus syarikat pembalakan dan seorang pemandu direman lima hari sehingga Sabtu ini, selepas dipercayai menawar dan memberi rasuah kepada pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu pada Mei hingga Ogos lalu. - Foto Mohd Syafiq Ridzuan Ambak

#### 7. Pengurus, pemandu syarikat balak direman

KUALA TERENGGANU: Tiga pengurus syarikat pembalakan dan seorang pemandu direman lima hari sehingga Sabtu ini, selepas dipercayai menawar dan memberi rasuah kepada pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu pada Mei hingga Ogos lalu.

Keempat-empat suspek itu ditahan dalam Ops Timba dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai terbabit dalam aktiviti pembalakan haram di sekitar negeri ini.

Suspek berusia antara 29 hingga 62 tahun itu di bawa ke Mahkamah Sesyen, di sini, kira-kira jam 10 pagi sebelum perintah reman dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Sesyen/Majistret, Noradila Ab Latiff.

Siasatan dilakukan mengikut Seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009 kerana memberi atau menawarkan rasuah dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana nilai lebih tinggi.

Keempat-empat suspek dipercayai menawar dan memberi rasuah berjumlah RM500 sehingga RM1,000 kepada tiga pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu sebagai balasan untuk tidak dikenakan tindakan terhadap beberapa kesalahan.

Antara kesalahan dilakukan adalah memiliki hasil hutan tidak bercukai dan gagal mengemukakan pas pemindahan kayu serta memiliki kayu bulat pelbagai spesis yang disyaki tidak bercukai.

BH hari ini melaporkan, SPRM menahan tujuh individu berusia 32 hingga 62 tahun dalam operasi berkaitan dengan kes pencemaran alam sekitar termasuk pembalakan haram di sekitar Pahang dan Terengganu, sekitar jam 10.30 pagi hingga 3.30 petang semalam.

Dalam operasi itu seramai empat individu ditahan di Pahang, manakala tiga lagi di Terengganu selepas mereka disyaki membayar duit rasuah untuk mengelakkan tindakan oleh penguatkuasa oleh Jabatan Perhutanan kerana beroperasi tanpa lesen dan tidak mematuhi peraturan.



Selasa, 12 September 2017

#### **8. 5 individu direman berkaitan pembalakan haram**

KUANTAN: Lima individu ditahan reman enam hari kerana memberi dan menerima rasuah untuk tidak diambil tindakan terhadap pembalakan haram di sebuah daerah di negeri ini.

Turut ditahan reman ialah seorang wanita dan pemilik serta pengurus sebuah syarikat pembalakan.

Mereka yang berumur antara 40 hingga 50 tahun itu masing-masing ditahan semalam.

Suspek didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17 (a) dan Seksyen 16 (a) (B) Alya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman membenarkan permohonan reman selama enam hari bermula hari ini sehingga 17 September ini bagi membolehkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan terhadap kesalahan suspek yang menyebabkan kerajaan negeri menanggung kerugian jutaan ringgit.

Permohonan reman itu dibuat oleh Timbalan Pendakwaraya SPM, Mohd Fadly Mohd Zamri manakala suspek turut diwakili peguam Hon Kai Ping.



LIMA individu ditahan reman enam hari kerana memberi dan menerima rasuah untuk tidak diambil tindakan terhadap pembalakan haram di sebuah daerah di Kuantan.



Rabu, 13 September 2017

#### 9. 4 termasuk Ketua Eksekutif dicekup SPRM

KUALA LUMPUR: Empat individu termasuk Ketua Eksekutif bergelar Datuk ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menyeleweng dana kerajaan bernilai hampir RM40 juta yang sepatutnya disalurkan kepada sebuah perbadanan kemahiran bagi tujuan program latihan.

Suspek berusia 58 tahun itu ditahan bersama setiausaha perbadanan, berusia 34; penolong pegawai kewangan, 32 tahun; dan seorang pengarah sebuah syarikat bergelar doktor, 38 tahun.

Kesemua mereka ditahan di beberapa lokasi di ibu negara antara jam 4.30 petang dan 6 petang dalam satu operasi khas yang dilancar SPRM, hari ini.

Difahamkan, siasatan awal SPRM mendapati pada tahun 2016, suspek disyaki menyeleweng sebanyak RM15 juta manakala RM25 juta pula pada tahun ini.

Difahamkan, pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan RM40 kepada perbadanan itu bagi mengendalikan program-program latihan dan pada tahun lepas, sejumlah RM35 juta turut diperuntukkan.

Dana itu diberi kerajaan untuk mengendalikan program-program latihan kemahiran khusus kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata pihaknya sedang mendapatkan dokumen-dokumen membabitkan penyelewengan.



Rabu, 13 September 2017



TIGA lelaki termasuk Penolong Pegawai Belia dan Sukan Negeri Terengganu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan memalsukan dokumen untuk memperdayakan dua kontraktor termasuk seorang berpangkat Datuk membabitkan kerugian hampir RM800,000.

#### **10. Pegawai sukan Terengganu antara didakwa tipu RM800,000**

KUALA TERENGGANU: Seorang Penolong Pegawai Belia dan Sukan Terengganu bersama dua rakaunya mengaku tidak bersalah di dua Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas tuduhan memalsukan dokumen untuk memperdayakan dua kontraktor membabitkan kerugian hampir RM800,000.

Tertuduh, Mohd Khairul Adli Abdul Hadi, 30, yang berdepan tiga pertuduhan mengikut Seksyen 467 Kanun Keseksaan (KK) dan Seksyen 468 KK, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azman Mustapha dan Hakim Rofiah Mohamad.

Dua rakannya, Wan Fairuz Afham Wan Noorislam, 33, dan Azmi Ngah, 44, mengaku tidak bersalah terhadap enam pertuduhan iaitu mengikut Seksyen 420 KK, Seksyen 467 KK dan Seksyen 471 KK.

Mengikut pertuduhan pertama, Mohd Khairul Adli didakwa memalsukan dokumen yang dikeluarkan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu (JBSNT) dengan niat menipu di Pejabat Belia dan Sukan Negeri Terengganu, Jalan Pasir Panjang, di sini antara 19 April 2016 hingga 25 April 2016.

Selain itu, Mohd Khairul Adli mengaku tidak bersalah memalsukan dokumen iaitu cagaran berharga di atas nama Syarikat Flamingo Daingwell Group (M) Sdn Bhd di alamat dan tarikh sama.

Di Mahkamah Sesyen berasingan, Mohd Khairul Adli sekali lagi mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memalsukan surat cagaran berharga di Pejabat Belia dan Sukan Negeri Terengganu, Jalan Pasir Panjang, di sini antara 19 April hingga 25 Mei 2016.

Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, Hakim Azman dan Rofiah menetapkan 4 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM14,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan.

Wan Fairuz Afham dan Azmi didakwa menipu Mohd Rozi Ibrahim, 45, dan Zawawi Mohd, 43, dengan memperdayakan mangsa untuk mempercayai bahawa JBSNT ada menawarkan projek membekalkan 'Kit Peserta Sukan' dengan dakwaan syarikat milik ahli keluarga iaitu MHI Kenangan Enterprise dan Syarikat Flamingo Daingwell Group (M) Sdn Bhd memperoleh projek itu.

Tindakan mereka mendorong kedua-dua mangsa membayar modal sebanyak RM270,000 dan RM500,000 dalam bentuk tunai dan cek di tingkat bawah Bazar Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jalan Masjid Abidin dan tempat letak kereta di Batu Buruk, di sini, pada 5.30 petang 25 April dan 2.15 petang 25 Mei 2016.

Selain itu, dua bersaudara itu turut berdepan empat pertuduhan kerana menggunakan dokumen palsu bagi tujuan memperdayakan mangsa.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM18,000 setiap seorang bagi semua pertuduhan, sebelum menetapkan 4 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pendakwaan pertama dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Syairah Mohamad Razali dan pendakwaan kedua pula oleh Timbalan Pendakwa Raya, Rohaiza Abd Rahman.

Mohd Khairul Adli diwakili peguam, Fozi Adhwa dari Tetuan Nordin Kassim dan Wan Fairuz Afham diwakili peguam, Zulfaqar Al-Basysyar Saharrudin.

**11. SPRM tahan jurutera minta suapan**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan jurutera bahagian perancangan sebuah syarikat utiliti di Shah Alam kerana disyaki meminta RM32,000 daripada seorang pelanggan.

Lelaki berusia 53 tahun itu ditahan di perkarangan tempat letak kenderaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kira-kira jam 3 petang tadi.

Difahamkan, suspek meminta RM32,000 daripada seorang pelanggan bagi mempercepatkan permohonan kelulusan bagi kerja menaik taraf bekalan utiliti sebuah kilang pada Disember 2016.

Pengadu didakwa sudah membayar RM15,000 kepada suspek kerana bimbang permohonannya tidak diluluskan kerana tiada maklum balas selepas hampir dua bulan dihantar.

Selepas enam bulan tanpa maklum balas, mangsa dihubungi oleh suspek yang meminta bayaran baki RM25,000 bagi menyelesaikan proses permohonan dengan pihak berkuasa tempatan supaya tidak disaman serta tujuan pengeluaran permit.

Mangsa kemudian membuat laporan kepada SPRM yang mendorong kepada penahanan suspek.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan suspek akan direman bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(B) ASPRM 2009.

**12. Seleweng dana RM40j, empat disambung reman**

PUTRAJAYA: Tiga termasuk seorang berpangkat Datuk disambung reman selama tiga hari, manakala seorang lagi selama dua hari bermula esok bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana hampir RM40 juta yang disalurkan kepada sebuah badan berkanun bagi tujuan pembangunan kemahiran.

Perintah reman dikeluarkan Majistret, Siti Nabila Abd Rashid di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Jurucakap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberitahu, mereka yang direman tiga hari ialah Datuk yang juga Ketua Eksekutif badan berkanun itu berusia 58 tahun, setiausaha perbadanan berusia 34 tahun dan pengarah sebuah syarikat berusia 38 tahun.

Individu yang direman dua hari pula ialah penolong pegawai tadbir berusia 31 tahun.

Semua mereka sebelum ini direman enam hari bermula 14 September bagi membantu siasatan.

Difahamkan, siasatan awal SPRM mendapati pada tahun lalu, suspek disyaki menyeleweng sebanyak RM15 juta, manakala RM25 juta pula pada tahun ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Tahun ini, kerajaan memperuntukkan RM40 juta kepada perbadanan itu bagi mengendalikan program latihan dan pada tahun lalu, sejumlah RM35 juta turut diperuntukkan.

Dana itu diberi kerajaan untuk mengendalikan program latihan kemahiran khusus kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.



**SEORANG** lelaki berusia 69 tahun direman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berkaitan isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah, Jempol, yang dahulunya dikenali sebagai Ladang Gatco di Mahkamah Majistret, Putrajaya. - Foto Zanariah Abd Mutualib

### 13. Ladang Gatco: Lelaki 69 tahun direman lima hari

**PUTRAJAYA:** Seorang lelaki berusia 69 tahun direman lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berkaitan isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah, Jempol, yang dahulunya dikenali sebagai Ladang Gatco.

Perintah reman dikeluarkan Majistret, Siti Nabila Abd Rashid di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Semalam, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad, berkata individu itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPM pada jam 2.45 petang.

Katanya, lelaki itu berperanan sebagai orang tengah dan penahanan itu adalah yang pertama sejak SPM menubuhkan jawatankuasa khas.

Bulan lalu, Dzulkifli mengumumkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menyiasat aduan penduduk Kampung Serampang Indah.

Isu itu bermula selepas pemilik asal tanah seluas 2,000 hektar berkenaan, Syarikat Gula Negeri Sembilan ditutup, menyebabkan ladang tebu terbabit dilupuskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) secara pajakan 99 tahun.

PKNNS kemudian memajakkan tanah itu selama 66 tahun kepada syarikat The Great Allioners Trading Corporation Bhd (Gatco) pada 1977 dan Gatco menjadikan kawasan itu sebagai tanah rancangan dengan membawa masuk peserta yang ditawarkan tapak rumah dan tanah kebun seluas empat hektar dengan bayaran antara RM4,000 dan RM7,000 seorang.

Pada awalnya ladang itu dirancang untuk dijadikan ladang getah, namun Gatco menghadapi masalah kewangan menyebabkan projek itu terbengkalai dan tanah tersebut dirampas sebelum ditawarkan dalam lelongan awam pada 2004 dan dibeli oleh Thamarai Holdings pada 2007.



Khamis, 21 September 2017

#### 14. Setiausaha politik antara 3 ditahan SPRM

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga kakitangan seorang Ahli Parlimen bagi membantu siasatan kes rasuah dalam isu berkaitan imigresen.

Mereka yang ditahan berkhidmat sebagai setiausaha politik, pembantu peribadi dan kerani kepada Ahli Parlimen itu.

Setiausaha politik berusia 45 tahun itu ditahan di pejabat SPRM Kuala Lumpur kira-kira jam 8 malam tadi.

Penahanan dibuat beberapa jam selepas pasukan penyiasat menahan kerani dan pembantu peribadi Ahli Parlimen terbabit, dipercayai membabitkan suapan berjumlah RM20,000.

Menurut sumber, kerani dan pembantu peribadi berkenaan ditahan di sebuah restoran di Taman Maluri kira-kira jam 1.45 tengah hari ini.

Menerusi maklumat awal yang diperoleh, syarikat milik pengadu dikatakan pernah membawa masuk pekerja asing bertaraf buruh menggunakan kelayakan profesional dan diketahui oleh ketiga-tiga suspek.

Pengadu mendakwa diminta menyediakan wang RM55,000 bagi menyelesaikan urusan berkaitan imigresen.

Difahamkan, SPRM akan mendapatkan perintah reman pagi esok.

Jumaat, 22 September 2017



TIGA individu termasuk seorang bergelar Datuk yang direman bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana hampir RM40 juta yang disalurkan kepada sebuah badan berkanun bagi tujuan pembangunan kemahiran, dibebaskan hari ini. - Foto Mohd Fadli Hamzah

### **15.3 lelaki termasuk Datuk dibebas kes seleweng dana kemahiran**

PUTRAJAYA: Tiga individu termasuk seorang bergelar Datuk yang direman bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana hampir RM40 juta yang disalurkan kepada sebuah badan berkanun bagi tujuan pembangunan kemahiran, dibebaskan hari ini.

Majistret Mohd Dinie Shazwan Ab Shukor membenarkan Datuk berusia 58 tahun yang juga ketua eksekutif badan berkanun berkanun dan setiausaha perbadanan itu berusia 34 tahun, dibebaskan dengan jaminan RM100,000 setiap seorang.

Seorang lagi individu berusia 38 tahun yang juga pengarah sebuah syarikat turut dibebaskan dengan jaminan tunai RM28,000.

Mereka ditahan di beberapa lokasi di Kuala Lumpur, antara jam 4.30 petang hingga 6 petang pada 13 September lalu dalam operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Seorang lagi berusia 32 tahun yang ditahan bersama mereka pada hari berkenaan ialah penolong pegawai kewangan badan berkanun itu yang sudah dibebaskan semalam.

Mereka sebelum ini direman enam hari bermula 14 September lalu membantu siasatan kes berkenaan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Difahamkan, siasatan awal SPRM mengesyaki sebanyak RM15 juta dana badan berkanun itu diseleweng tahun lalu, manakala RM25 juta lagi pada tahun ini.

Tahun ini, kerajaan memperuntukkan RM40 juta kepada perbadanan berkenaan bagi mengendalikan program latihan, manakala pada tahun lalu RM35 juta diperuntukkan.

Dana itu untuk mengendalikan program latihan kemahiran khusus kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.



Sabtu, 23 September 2017

#### 16. Isu Ladang Gatco: Reman lelaki dilanjut 4 hari

PUTRAJAYA: Reman ke atas seorang lelaki berusia 69 tahun yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan isu pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah di Jempol, dilanjutkan empat hari lagi.

Perintah lanjutan reman bermula esok dikeluarkan Majistret Chyfica Mohamed Zamri Mohamed Zamri di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Lelaki itu yang berperanan sebagai 'liquidator' (penyelesai) sebelum ini direman lima hari bermula Selasa lalu, selepas ditahan sehari sebelumnya ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM di sini.

Penahanannya adalah yang pertama dilakukan SPRM sejak suruhanjaya itu menubuhkan jawatankuasa khas bulan lalu bagi menyiasat aduan penduduk Kampung Serampang Indah atau dahulunya dikenali sebagai Ladang Gatco.

Isu itu bermula selepas pemilik asal tanah seluas 2,000 hektar itu, Syarikat Gula Negeri Sembilan ditutup dan ladang tebu miliknya dilupuskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNSS) secara pajakan 99 tahun.

PKNNS kemudian memajakkan tanah itu selama 66 tahun kepada syarikat The Great Allioners Trading Corporation Bhd (Gatco) pada 1977 yang kemudian menjadikan kawasan itu sebagai tanah rancangan.

Syarikat berkenaan membawa masuk peserta yang ditawarkan tapak rumah dan tanah kebun seluas empat hektar setiap seorang dengan bayaran antara RM4,000 hingga RM7,000.

Pada awalnya, kawasan itu dirancang dijadikan ladang getah, namun Gatco menghadapi masalah kewangan menyebabkan projek terbengkalai dan tanah dirampas lalu dilelong pada 2004 sebelum dibeli sebuah syarikat, Thamarai Holdings pada 2007.



Dua orang yang bergelar datuk dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk direman selama tiga hari bagi membantu siasatan berkaitan isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah, Jempol yang dahulunya dikenali sebagai Ladang Gatco. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

#### **17. Isu tanah Ladang GATCO: 2 Datuk direman tiga hari**

**PUTRAJAYA:** Dua lelaki bergelar Datuk yang juga ketua eksekutif syarikat berbeza direman tiga hari bermula hari ini bagi membantu siasatan isu pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah, Jempol.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Mohd Nor Hafidzuddin Yusoff di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Suspek yang juga dua beradik berusia 58 dan 54 tahun itu ditahan dalam serbuan khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sekitar Lembah Klang antara jam 11.40 pagi hingga 12.45 tengah hari semalam.

Sementara itu, seorang lelaki berusia 69 tahun yang berperanan sebagai penyelesai (liquidator) dalam urusan pemilikan itu dibebaskan hari ini dengan jaminan SPRM, selepas direman sejak Selasa lalu.

Isu Ladang Gatco bermula selepas pemilik asal tanah seluas 2,000 hektar itu, iaitu Syarikat Gula Negeri Sembilan ditutup dan ladang tebu miliknya dilupuskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) secara pajakan 99 tahun.

PKNNS kemudian memajakkan tanah itu selama 66 tahun kepada syarikat The Great Allioners Trading Corporation Bhd (GATCO) pada 1977 yang kemudian menjadikan kawasan itu sebagai tanah rancangan.

Syarikat berkenaan membawa masuk peserta yang ditawarkan tapak rumah dan tanah kebun seluas empat hektar setiap seorang dengan bayaran antara RM4,000 hingga RM7,000.

Pada awalnya, kawasan itu dirancang dijadikan ladang getah, namun GATCO menghadapi masalah kewangan, menyebabkan projek terbengkalai dan tanah dirampas lalu dilelong pada 2004 sebelum dibeli sebuah syarikat pada 2007.

Penduduk antara lain mendakwa terdapat penyelewengan dalam penjualan tanah terbabit pada 2007 kerana syarikat itu hanya membayar RM16 juta berbanding nilai pasaran semasa yang didakwa kira-kira RM500 juta ketika itu.



Rabu, 27 September 2017



**ANGGOTA JPJ (kanan) dikenakan denda RM10,00 dan penjara 14 hari oleh Mahkamah Sesyen kerana menerima rasuah - Foto ihsan SPRM.**

#### **18. Anggota JPJ didenda terima rasuah**

SEREMBAN: Mahkamah Sesyen di sini hari ini, menjatuhkan hukuman denda RM10,000 dan penjara 14 hari terhadap seorang anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kerana menerima rasuah empat tahun lalu.

Md Zamri Atan, 36, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadap tertuduh di hadapan Hakim Fathiayah Idris.

Tertuduh didakwa menerima suapan RM1,000 daripada Ng Ken Hing sebagai upah untuk mempercepat dan mendapatkan laporan pemeriksaan kenderaan Perodua Myvi.

Kesalahan itu dilakukan di Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ Negeri Sembilan kira-kira jam 11 pagi, pada 15 Julai 2013.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, dan jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun atau denda lima kali ganda nilai suapan.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nurdianah Mohd Nawawi manakala tertuduh diwakili peguam Shareen Rosli.



**ABDUL Kadar K Sikinthar Bacha dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh hari ini kerana didakwa menerima suapan sebanyak RM5,000 pada 26 Julai lalu. - Foto Effendy Rashid**

#### **19. Penolong Pegawai Perpaduan dituduh minta, terima rasuah**

IPOH: Seorang Penolong Pegawai Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dakwaan menerima suapan RM5,000 pada Julai lalu.

Abdul Kadar K Sikinthar Bacha, 48, didakwa melakukan perbuatan itu ketika bertugas sebagai Penolong Pegawai Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah Larut Matang dan Selama pada 26 Julai lalu di Syarikat K Pitchai, Jalan Barrack, Taiping kira-kira jam 2 petang.

Dia didakwa menerima suapan wang tunai sebanyak RM5,000 daripada Sarmugam Cinnapan kononnya untuk diberikan kepada seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai dorongan untuk membantu menyelesaikan kes berkaitan pengadu dengan SPRM Taiping.

Tertuduh yang ketika ini bertugas di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Kampar dituduh mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang mana sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau yang mana lebih tinggi.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa SPRM, R Kumuthambal di hadapan Hakim S Indra Nehru manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, tertuduh memohon kepada mahkamah supaya memberikan tawaran jaminan yang minimum sebanyak RM2,000 selepas pegawai pendakwa memohon supaya jaminan sebanyak RM20,000

diberikan berikutkan keadaan dirinya yang menghidap penyakit ulser kaki sejak lapan tahun lalu yang memerlukan kos tinggi untuk rawatan.

Bagaimanapun, Kumuthambal membantah kerana kes itu membabitkan kepentingan awam serta kesalahan yang serius kerana ia telah mencemarkan kredibiliti dan integriti pegawai SPRM yang terbabit dalam kes berkenaan malah turut mencemarkan nama SPRM sendiri.

Hakim kemudian memerintahkan tertuduh dijamin sebanyak RM18,000 dengan syarat tambahan perlu melaporkan diri sebulan sekali di pejabat SPRM berhampiran dengan tempat tinggal dan menetapkan 5 Oktober ini sebagai tarikh sebutan semula kes bagi membolehkan tertuduh melantik peguam.



Khamis, 28 September 2017



SETIAUSAHA politik kepada seorang menteri kabinet dibawa oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk mohon perintah reman bagi membantu siasatan kerana disyaki terlibat dalam penyelewengan dana RM40 juta bagi program latihan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

#### 20. Setiausaha politik menteri direman 6 hari

PUTRAJAYA: Seorang setiausaha politik kepada menteri direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan dana bernilai RM40 juta yang sepatutnya disalurkan kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Perintah reman kepada lelaki bergelar 'Datuk' bermula hari ini hingga 3 Oktober itu dikeluarkan Majistret Azizah Ahmad di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Lelaki berusia 61 tahun itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Semalam, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad, mengesahkan lelaki berkenaan ditahan kira-kira pukul 12.30 tengah hari semalam ketika memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Terdahulu, lelaki berkenaan tiba di Mahkamah Majistret di sini, dengan berbaju lokap SPRM berwarna jingga dan bergari.

Minggu lalu, SPRM menahan empat individu termasuk seorang bergelar 'Datuk' di beberapa lokasi di Kuala Lumpur selepas disyaki terbabit dalam penyelewengan dana PTPK sebanyak RM40 juta.

Tiga daripada empat individu yang ditahan adalah pegawai kanan PTPK, manakala seorang lagi pengarah syarikat berumur 38 tahun.

Bagaimanapun, keempat-empat individu itu sudah dibebaskan dengan jaminan SPRM pada 23 September lalu.

Sementara itu, seorang bekas pegawai bank berusia 54 tahun direman lima hari bermula hari ini hingga 2 Oktober bagi membantu siasatan isu pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah, Jempol.

Selain itu, perintah reman dua lelaki bergelar Datuk yang juga ketua eksekutif syarikat berbeza dilanjutkan empat hari bermula esok hingga 2 Oktober bagi membantu siasatan berhubung kes sama.



OMAR Mohd Bahari

#### 21. Terima rasuah, pegawai KDN didenda RM10,000

PETRA JAYA: Mahkamah Khas Rasuah, di sini, hari ini, menjatuhkan hukuman denda RM10,000 atau dua bulan penjara jika gagal membayar denda itu terhadap seorang pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) atas kesalahan rasuah pada 2015.

Omar Mohd Bahari, 57, yang bertugas sebagai Ketua Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan KDN Kuching, juga dijatuhi hukuman penjara 14 hari selepas dia menukar pengakuan bersalah apabila kes itu dibaca semula, hari ini.

Hakim Nixon Kennedy Kumbong menjatuhkan hukuman itu selepas Omar mengaku bersalah menerima wang suapan sebanyak RM1,750 daripada pengadu pada 27 Julai, dua tahun lalu.

Mengikut fakta kes, Omar didakwa menerima wang itu menerusi transaksi pemindahan bank sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap 11 premis perniagaan yang dikendalikan oleh pengadu yang menjual cakera padat video (VCD) dan calera padat digital (DVD) cetak rompak di Sibu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sebelum itu, Omar menerusi peguamnya, Osman Ibrahim mengaku bersalah dengan alasan dia sudah bertaubat, sudah tua dan mengalami masalah kesihatan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Low Chin How mencadangkan agar Mahkamah untuk melaksanakan hukuman setimpal kerana kes itu membabitkan kepentingan awam.

Pada 26 Mei lalu, Omar juga didakwa dengan dua tuduhan lain kerana menerima wang suapan dalam jumlah sama dan daripada pengadu sama.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 18 Jun dan 7 Julai 2015, namun kedua-dua tuduhan itu sudah ditarik balik.



Jumaat, 29 September 2017

## 22. Richard beri keterangan lebih 10 jam di SPRM

PUTRAJAYA: Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot, memberi keterangan lebih 10 jam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini, hari ini, berhubung kes penyelewengan dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Beliau, yang dilihat keluar dari bangunan berkenaan pada kira-kira jam 8 malam, berkata, kehadirannya di SPRM adalah untuk membantu siasatan.

"Saya datang hanya untuk membantu SPRM untuk membuat penyiasatan, saya tidak menyerahkan apa-apa (dokumen) kerana saya datang dengan tangan kosong tadi," katanya kepada media selepas memberikan keterangan kepada SPRM.

Ditanya mengapa beliau memberikan keterangan sehingga 10 jam, Riot berkata, itu adalah perkara biasa, bergantung kepada maklumat yang diperlukan SPRM.

Terdahulu, beliau yang tiba di lobi ibu pejabat SPRM pada jam 10.03 pagi dengan berkemeja putih dan bertali leher, kelihatan tenang serta sempat memberikan senyuman kepada beberapa wakil media yang menunggu.

Richard kemudian dibawa masuk ke dalam bangunan berkenaan diiringi beberapa pegawai ke tempat memberikan keterangan.

Semalam, Setiausaha Politik beliau direman enam hari bagi membantu siasatan penyelewengan dana kerajaan RM40 juta untuk PTPK.

Sebelum ini, pada 14 September lalu, empat individu, termasuk Ketua Eksekutif PTPK bergelar Datuk dibebaskan dengan jaminan selepas ditahan.

Semua yang ditahan dipercayai menyalahgunakan kedudukan serta menyeleweng wang peruntukan program latihan kemahiran bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

Siasatan awal SPRM mendapati, pada 2016, seorang suspek disyaki menyeleweng sebanyak RM15 juta selain RM25 juta pula pada tahun ini, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM40 juta.

Sumber SPRM berkata, kerajaan memperuntukkan RM40 juta untuk tahun ini kepada perbadanan itu bagi mengendalikan program latihan, manakala pada tahun 2016, sejumlah RM35 juta diperuntukkan bagi tujuan sama.



MENTERI Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot (tengah) tiba di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya bagi memberi keterangan berhubung isu penyelewengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).



PENGARAH Urusan sebuah kolej swasta (baju oren) dibawa ke Mahkamah Majistret untuk mendapatkan perintah reman bagi membantu siasatan tuduhan rasuah terhadapnya yang didakwa menerima suapan daripada pelajar untuk mengeluarkan sijil yang membolehkan pelajar mengikuti program pengajian perubatan di luar negara.

### 23. Pengarah kolej direman

KUANTAN: Seorang pengarah urusan sebuah kolej swasta diperintah direman lima hari bagi membantu siasatan tuduhan rasuah terhadapnya yang didakwa menerima suapan daripada pelajar untuk mengeluarkan sijil.

Menerusi sijil itu, ia akan membolehkan pelajar mengikuti program pengajian perubatan di luar negara.

Perintah reman kepada lelaki berusia 53 tahun berkuat kuasa sehingga 4 Oktober ini, dikeluarkan Majistret Nordiana Abd Aziz.

Permohonan reman dibuat Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kamariah Seman manakala tertuduh diwakili Datuk Ng See Teong.

See Teong yang ditemui selepas prosiding itu, berkata suspek ditahan untuk membantu siasatan atas tuduhan menerima suapan berjumlah RM2,500 daripada setiap pelajar bagi mengeluarkan sijil perubatan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPM 2009 yang membawa hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 atau mana lebih tinggi dan penjara maksimum 20 tahun jika sabit kesalahan.

Terdahulu suspek ditahan di kolej yang berpengkalan di Bandar Pusat Jengka, semalam sebelum dibawa untuk permohonan reman di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.



Sabtu, 30 September 2017



KETUA Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penutup Kembara Jelajah Anti Rasuah (KEJAR '17) di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Mohd Yusni Ariffin

#### **24. SPRM masih teliti keterangan Riot**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih meneliti keterangan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot berhubung siasatan penyelewengan dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, berkata pihaknya juga tidak menolak kemungkinan memanggil lebih ramai individu bagi membantu siasatan kes terbabit.

"Setakat ini kita masih meneliti. Bagi SPRM masa siasat segala kemungkinan yang ada. Kita akan melihat kepada keperluan untuk memanggil lebih ramai individu atau mengambil dokumen yang berkaitan.

"Siasatan masih berjalan dan masih ada suspek yang dalam tahanan. Kita akan siasat dengan lebih mendalam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penutup Kembara Jelajah Anti Rasuah (KEJAR '17) di sini hari ini.

Semalam BH melaporkan Riot, memberi keterangan lebih 10 jam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes penyelewengan dana PTPK.

Kelmarin, Setiausaha Politik beliau direman enam hari bagi membantu siasatan penyelewengan dana kerajaan RM40 juta untuk PTPK.

Sebelum ini, pada 14 September lalu, empat individu, termasuk Ketua Eksekutif PTPK bergelar Datuk dibebaskan dengan jaminan selepas ditahan.

Semua yang ditahan dipercayai menyalahgunakan kedudukan serta menyeleweng wang peruntukan program latihan kemahiran bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.